



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM3.75b DIPERLUKAN NAIK TARAF KAWASAN PADI LUAR JELAPANG, NASIONAL, BH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PERLU PERUNTUKAN RM3.75b UNTUK CAPAI 80% SSL BEKALAN BERAS MENJELANG 2035: BADRUL HISHAM, LOKAL, HM -20	
3.	SEKURITI MAKANAN: 9 MASJID DI PERAK TANAM BETIK, KUALA KANGSAR, SH -25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	TIADA WABAK BERLAKU, BEKALAN AYAM BELANDA DIJANGKA STABIL, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	BEKALAN AYAM BELANDA MUSIM PERAYAAN DIJANGKA STABIL: DVS, ASTRO AWANI -ONLINE	
6.	DVS ASSURES STABLE TURKEY SUPPLY AHEAD OF FESTIVE SEASON, BERNAMA -ONLINE	
7.	PORT DICKSON PENYUMBANG UTAMA PERIKANAN NEGERI, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	BAUNG EKOR MERAH, ALIGATOR GAR DISITA JABATAN PERIKANAN, NASIONAL, BH -16	
9.	DOF NEGERI SITA 49 IKAN LARANGAN, LOKAL, HM -13	
10.	'ADA YANG LEPASKAN ALIGATOR GAR KE SUNGAI KLANG', SHAH ALAM, SH -12	
11.	UNJAM TINGKAT TANGKAPAN IKAN DI PORT DICKSON, DALAM NEGERI, UM -34	
12.	PEKEBUN RUGI RM60,000 POKOK UBI DITENGGELAMI AIR, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN
13.	DEEP-SEA FISHERMEN HOPE FOR FUEL SUBSIDIES, NATIONAL, THE SUN -4	
14.	GRAPES THRIVING IN GOPENG, EVENTS, THE STAR -11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

9/10/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

5

RM3.75b diperlukan naik taraf kawasan padi luar jelapang

Bangi: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memerlukan RM3.75 bilion bagi menaik taraf kawasan penanaman padi luar jelapang, dalam usaha mencapai 80 peratus status Kadar Sara Diri (SSL) pengeluaran beras menjelang 2035.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata ketika ini, kapasiti pengeluaran kawasan penanaman padi luar jelapang yang berkeluasan 75,000 hektar sekitar 2.5 hingga 3 tan.

Katanya, pengeluaran itu rendah berikutan daripada sistem pengairan substandard yang perlu dinaik taraf, justeru setiap hektar padi luar jelapang memerlukan peruntukan sekurang-kurangnya RM50,000.

"Apabila usaha menaik taraf ini berjaya dilakukan, secara tidak langsung kapasiti pengeluar-

an semua jelapang padi (210,000 hektar) dan luar jelapang berupaya bertukar kepada status lima tan dan ke atas bagi setiap musim, menjelang 2035.

SSL menurun

"Buat masa ini, data terkini pada tahun lalu menunjukkan SSL menurun kepada 56.2 peratus daripada 62.8 peratus. Angka itu besar dan memberi kesan kepada industri padi negara.

"Ini menyebabkan negara perlu mengimport lebih banyak beras bagi mencukupkan keperluan rakyat," katanya ketika ditemui selepas Hari Keterjaminan dan Keselamatan Makanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof Datuk Dr Wan Kamal Mujani.

Pada majlis itu, turut dilan-



Badrul Hisham melawat pameran selepas merasmikan Hari Keterjaminan dan Keselamatan Makanan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, semalam. (Foto Amirudin Sahib/BH)

carikan dua buku bertajuk *Principle in Plant Microbe Interactions for Sustainable Agriculture* dan *Soil Microbiome Dynamics and Adaptation in Stress Management*.

Badrul Hisham berkata, berdasarkan laporan daripada Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA), kadar pertumbu-

han pengeluaran padi di Malaysia ialah -0.57 peratus sejak 10 tahun lalu (2013-2024) dan disifatkan sebagai terkebelakang. "KPKM perlu melakukan reformasi industri padi untuk berada pada landasan tepat menjelang Rancangan Malaysia Ke-13 yang akan bermula pada 2026.

"Sekiranya kerajaan memberi kan peruntukan dan meluluskan dalam Belanjawan 2025 yang dibentangkan 18 Oktober ini, Kementerian yakin boleh mencapai tahap 80 peratus SSL, pengeluaran beras pada masa akan datang.

"Jika kita optimis, tidak mustahil negara juga mampu eksport beras ke negara luar," katanya.

9/10/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

20

Perlu peruntukan RM3.75b untuk capai 80% SSL bekalan beras menjelang 2035: Badrul Hisham

Bangi: Peruntukan berjumlah RM3.75 bilion diperlukan untuk menaik taraf kawasan penanaman padi luar jelapang di seluruh negara bagi mencapai 80 peratus Tahap Sara Diri (SSL) bekalan beras menjelang 2035.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, ketika ini negara memiliki 285,000 hektar kawasan padi luar dan dalam jelapang.

"Di Malaysia, kita ada 75,000 hektar kawasan padi luar jelapang yang mempunyai kapasiti pengeluaran beras 2.5 kepada 3.0 tan setiap enam bulan, maknanya masih rendah kerana infrastruktur sistem pengairan substandard (SIS) perlu dinaik taraf yang memerlukan kos RM50,000 setiap hektar.


"Untuk kawasan padi dalam jelapang pula, buat masa ini kita memiliki 210,000 hektar yang be-

rupaya menghasilkan lebih 5.0 tan pengeluaran beras.

"Jika boleh menaik taraf SIS padi luar jelapang, kita mampu menjadikan semua pengeluaran beras negara kepada 5.0 tan ke atas sekali gus dapat mencapai 80 peratus SSL menjelang 2035," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mesorasmikan Hari Keterjaminan dan Keselamatan Makanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Pada majlis sama, Badrul Hisham turut melancarkan dua buku ilmiah berjudul *Principle in Plant Microbe Interaction for Sustainable Agriculture* dan *Soil Microbiome Dynamics and Adaptation in Stress Management* dikeluarkan Kumpulan Penyelidikan Pengurusan dan Penambahbaikan Tanaman Mampan (PPTM), UKM.



BADRUL HISHAM melawat pameran selepas perasmian Hari Keterjaminan dan Keselamatan Makanan di UKM, Bangi. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwah Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof Datuk Dr Wan

Kamal Mujani. Badrul Hisham berkata, transformasi termasuk menaik taraf infrastruktur pa-

di luar jelapang perlu dilakukan berkaitan pertanian Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA)

mendedahkan, kadar pertumbuhan pengeluaran industri padi Malaysia menurun -0.57 peratus sejak 2013 hingga 2024.

Justeru, katanya, Kementerian berharap peruntukan RM3.75 bilion itu akan diluluskan dalam Belanjawan 2025, yang bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat depan.

"Sekiranya peruntukan ini diluluskan dalam Belanjawan 2025, kita rancang akan buat transformasi ini dalam tempoh 10 tahun bermula 1 Januari 2026.

"Jika projek ini berjalan lancar, kita yakin bukan hanya negara dapat mencapai 80 peratus SSL, beras untuk keperluan rakyat, malah tidak mustahil mampu eksport beras ke negara luar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2024	SINAR HARIAN	KUALA KANGSAR	25

Sekuriti makanan: 9 masjid di Perak tanam betik

KUALA KANGSAR - Sembilan masjid di Perak dipilih sebagai perintis bagi melaksanakan program sekuriti makanan menerusi tanaman betik melibatkan peruntukan RM86,000.

Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman berkata, pelaksanaan program di kawasan seluas 1.7 hektar itu selari dengan usaha kerajaan negeri memperluas program Bumi Hijau, selain memperkasa masjid sebagai pusat pengeluaran bahan makanan.

Menurutnya, setiap masjid menerima input pertanian iaitu benih betik jenis sekaki antara 50 hingga 100 anak pokok, baja dan racun serta khidmat bantuan melibatkan penyediaan kawasan, pembersihan dan pengairan.

“Penanaman betik ini kita lakukan serentak bermula Selasa di semua masjid oleh ahli kariah dan jawatankuasa masjid masing-masing. Pegawai Pertanian kawasan akan datang memantau sepanjang tempoh penanaman iaitu kira-kira enam bulan hingga mengeluarkan hasil.

“Harap hasil pengeluaran yang diperoleh nanti dapat dijual supaya untuk dijadikan sumber pendapatan kepada masjid dan membeli input pertanian bagi tanaman seterusnya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Peluncuran Program Sekuriti Makanan (tanaman betik) Masjid Negeri Perak di Masjid Al Lattifiyah Kampung Loh, Karai di sini pada Selasa.

Selain Masjid Al Lattifiyah, lapan lagi masjid terpilih ialah Masjid Al Amin Kampung Jong di Gerik, Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (Tapah), Masjid Sultan Azlan Shah dan Masjid Ar Ridzuan Kepala Pulau (Kampung Gajah), Masjid Jamek Baru (Gopeng), Masjid Aziziah Batu 10 (Bagan Datuk), Masjid Kampung Air Kuning (Taiping) serta Masjid Al Muhajirin Kampung Nibung Hangus (Kuala Kurau).

Norsiyenti berkata, pemilihan betik dibuat berikutan permintaan tinggi di pasaran dan kaedah penjagaan serta penanaman yang mudah berbanding buah lain.



Norsiyenti (dua dari kanan) menunjukkan betik jenis sekaki yang ditanam di Masjid Al Lattifiyah Kampung Loh, Karai, Kuala Kangsar pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Tiada wabak berlaku, bekalan ayam belanda dijangka stabil



Jabatan Perkhidmatan Veterinar

KUALA LUMPUR – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan tiada wabak penyakit berlaku dalam pengeluaran ayam belanda dan bekalan negara dijangka stabil.

Menurutnya, bagi memastikan bekalan ayam belanda sentiasa ada di pasaran, ia ditampung dengan mengimport dari negara luar untuk memenuhi keperluan dalam negara khususnya di musim perayaan Krismas.

“Di antara langkah yang telah diambil oleh DVS ialah memeriksa dan meluluskan loji penyembelihan halal ayam belanda di luar negara bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Pada masa ini, Turkiye merupakan negara sumber yang telah diluluskan bagi pengimportan ayam belanda ke Malaysia dan tempoh kelulusan adalah sehingga tahun 2027,” katanya dalam kenyataan di sini.

DVS menambah, selain Turkiye, negara sumber yang berpotensi adalah Rusia dan Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, kedua-dua negara berkenaan sedang dalam proses penilaian risiko bagi mendapatkan kelulusan kawasan bebas penyakit daripada DVS bagi menangani isu penyakit HPAI.

“Untuk makluman, tiada keperluan permit import (AP) diperlukan untuk pengimportan daging lembu dan kerbau ke Malaysia bermula 2016 kerana permit bagi ternakan dan produk haiwan dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan dan Pemeriksaan Kuarantin (Maqis).

“Sekatan tersebut bukan hanya untuk ayam belanda, tetapi adalah untuk semua ayam/itik dan produk ayam/itik serta termasuk ayam belanda,” ujarinya.

DVS berkata, pada 2021, pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan offal) ke Malaysia diluluskan oleh DVS hanya dari negara Amerika Syarikat.

Pada tahun 2023, DVS telah meluluskan nonimportance ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan offal) dari negara Turkiye dan pengimportan berterusan sehingga kini.

“Sehingga kini, tiada kelulusan untuk pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan offal) dari Hong Kong, Kanada, Brazil, China dan Jerman,” tambahnya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Bekalan ayam belanda musim perayaan dijangka stabil - DVS



DVS memaklumkan pengeluaran ayam belanda tempatan adalah sebanyak 10,010 ekor pada tahun lepas melalui 145 penternak dari ladang ternakan di seluruh negara. - Gambar hiasan/Unsplash

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan tiada wabak penyakit berlaku dalam pengeluaran ayam belanda dan bekalan negara sempena musim perayaan dijangka stabil.

DVS dalam kenyataan hari ini memaklumkan pengeluaran ayam belanda tempatan adalah sebanyak 10,010 ekor pada tahun lepas melalui 145 penternak dari ladang ternakan di seluruh negara.

Menurut kenyataan itu jumlah berkenaan dapat menghasilkan sebanyak 50,050 kilogram daging ayam belanda dengan negeri pengeluar utama ialah Pulau Pinang, Johor, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

"Bagi memastikan bekalan ayam belanda sentiasa ada di pasaran, ia ditampung dengan import untuk memenuhi keperluan dalam negara khususnya di musim perayaan Krismas.

"Antara langkah yang telah diambil oleh DVS ialah memeriksa dan meluluskan loji penyembelihan halal ayam belanda di luar negara bersama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," menurut kenyataan itu.

Menurut DVS pada masa ini Turkiye merupakan negara sumber yang telah diluluskan bagi pengimportan ayam belanda ke Malaysia dan tempoh kelulusan hingga 2027.

Kenyataan itu memaklumkan selain Turkiye negara sumber lain yang berpotensi adalah Rusia dan Amerika Syarikat.

"Walau bagaimanapun, kedua-dua negara berkenaan sedang dalam proses penilaian risiko bagi mendapatkan kelulusan kawasan bebas penyakit daripada DVS bagi menangani isu penyakit Influenza Burung Sangat Patogenik (HPAI)," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DVS memaklumkan pada 2021 pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan ofal) ke Malaysia yang diluluskan oleh jabatan itu hanya dari negara Amerika Syarikat.

Pada 2023, DVS telah meluluskan pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan ofal) dari Turkiye dan pengimportan berterusan hingga kini.

Menurut kenyataan itu hingga kini, tiada kelulusan untuk pengimportan ayam belanda (termasuk ayam belanda segar, sejuk dan beku, potongan dan ofal) dari Hong Kong, Kanada, Brazil, China dan Jerman.

"DVS juga ingin memaklumkan bahawa jabatan ini sentiasa komited dalam memastikan bekalan makanan dalam bentuk ternakan sentiasa mencukupi, terjamin kualitinya serta selamat dimakan oleh rakyat negara ini," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



English

type to start searching

HENTIKAN!
PEMERDAGANGAN ORANG
& PENYELUDUPAN MIGRAN

HUBUNGI:
03 8000 8000

GENERAL > NEWS

DVS Assures Stable Turkey Supply Ahead Of Festive Season

🕒 08/10/2024 06:16 PM



PUTRAJAYA, Oct 8 (Bernama) -- The Department of Veterinary Services (DVS) has assured the public that there are currently no disease outbreaks affecting turkey production, and that national supply is expected to remain stable during the festive season.

In a statement released today, it said local turkey production reached 10,010 birds last year, sourced from 145 farmers nationwide.

This is capable of generating about 50,050 kilogrammes of turkey meat, with the primary producing states being Penang, Johor, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang.

TOTAL COATING & CONSTRUCTION SOLUTIONS

What is Efflorescence ?

Efflorescence is the formation of salt deposits on the surface of concrete and masonry. These salt deposits appear as chalky and whitish substance on exterior surfaces.

"To ensure a reliable supply of turkeys in the market, imports from

“To this end, DVS is actively inspecting and approving halal turkey slaughterhouses overseas in collaboration with the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM),” the statement read.

Currently, Turkey is the only approved source country for turkey imports into Malaysia, with the approval valid until 2027, the DVS said.



DVS said it has identified potential additional source countries, including Russia and the United States, although both are undergoing risk assessments to obtain disease-free area approval to address concerns regarding Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI).

Meanwhile, DVS said in 2021, turkey imports (including fresh, chilled and frozen turkeys, cuts and offal) were solely approved from the United States. This year, Turkey has joined the list of approved countries, and imports from Turkey continue without interruption.

As of now, there have been no approvals for turkey imports from Hong Kong, Canada, Brazil, China or Germany, it said.

“DVS remains committed to ensuring that the food supply, particularly livestock, is adequate, of high quality and safe for consumption,” the statement read.

-- BERNAMA

BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.

Follow us on social media :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18

Port Dickson penyumbang utama perikanan negeri

Port Dickson: Port Dickson adalah penyumbang kepada pengeluaran utama perikanan negeri bagi 2023 dengan jumlah tangkapan mencecah 502.6 tan bernilai keseluruhan RM10.42 juta.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe berkata, spesies ikan 'demersal' (habitat di dasar laut) seperti sembilang, kerapu dan pari paling banyak di perairan itu, meliputi 259.89 tan metrik berbanding 179.97 tan metrik bagi spesies pelagik (talang, tenggiri, senangin, alu-alu).

Beliau berkata, sejumlah RM49,800 peruntukan pembangunan disalurkan kepada Pejabat Perikanan

negeri bagi memperkasakan sumber perikanan sedia ada menerusi Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan bagi Perolehan Perkakasan dan Peralatan Peranti Pengumpulan Ikan (Unjam).

"Ada 480 nelayan Zon A dan 359 kapal berdaftar di daerah ini. Aktiviti menangkap ikan di sini, akan menjadi lebih baik dengan adanya unjam. Unjam adalah peranti pengumpul ikan digunakan oleh nelayan pantai bagi membantu operasi penangkapan ikan dan perikanan rekreasi," katanya kepada media pada Majlis myUnjam 2024 Bersama Komuniti Nelayan Bagan Pinang, di pantai Bagan Pinang di sini, semalam.

Baung ekor merah, Aligator Gar disita jabatan perikanan

Ipoh: Dua ikan baung ekor merah, selain tiga Aligator Gar masing-masing dianggarkan seberat tiga kilogram (kg) antara 49 ikan larangan atau ikan pemangsa (invasif) yang disita Jabatan Perikanan Perak, selepas pemeriksaan premis ternakan ikan hiasan di Kampung Tawas di sini kelmarin.

Pemeriksaan menerusi Operasi Pemutihan dan Kesedaran Ikan Larangan di Premis/Kedai Akuarium Ikan Hiasan di Negeri Perak itu antara lain turut menyita beberapa ikan larangan lain antaranya 42 ikan bongkok (*Geophagus*), gulper catfish (1) dan flower horn (1) dengan anggaran keseluruhan bernilai RM8,300.

Pemilik premis berusia 40-an mengakui membela ikan predator berkenaan sejak 10 tahun lalu dengan alasan tidak mengetahui peraturan yang ditetapkan dan mereka diberikan amaran agar tidak mengulanginya atau berdepan tindakan mahkamah jika ingkar.

Pengerusi Jawatankuasa

Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun, berkata program kesedaran dan pemutihan itu yang dijalankan bermula 18 September lalu hingga hari ini, menyasarkan premis atau kedai akuarium ikan hiasan di seluruh negeri.

Sepanjang 2024 sebanyak 24 operasi pemantauan menerusi OPS Darat dibuat Jabatan Perikanan Perak di premis akuarium membabitkan kira-kira 30 premis akuarium di seluruh Perak antaranya di Ipoh, Teluk Intan dan Ayer Tawar.

Katanya, daripada jumlah pemantauan itu, 15 premis diperiksa yang membawa kepada rampasan 154 ikan larangan dengan nilai sitaan berjumlah RM13,000.

Beliau berkata, trend mengimport, memiliki, menjual, menternak dan mempamer ikan hiasan dari spesies, genus, dan keluarga (family) ikan larangan, khususnya di premis atau kedai masih terkawal.



Baung ekor merah seberat 3kg antara 49 ikan larangan disita Jabatan Perikanan Perak di premis ternakan ikan hiasan Kampung Tawas, Ipoh semalam.
(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

DOF negeri sita 49 ikan larangan

Ipoh: Dua ikan baung ekor merah selain tiga ikan Ali-gator Gar masing-masing dianggarkan seberat tiga kilogram (kg) antara 49 ikan larangan atau ikan pemangsa (invasif) yang disita Jabatan Perikanan (DOF) negeri Perak menerusi operasi pemeriksaan ke atas premis ternakan ikan hiasan di Kampung Tawas di sini, semalam.

Sitaan dilakukan hasil pemeriksaan menerusi Operasi Pemutihan dan Kesedaran Ikan Larangan di Premis dan Kedai Akuarium Ikan Hiasan di negeri ini oleh DOF.

Selain itu, pihak berkuasa merampas, 42 ikan bongkok (*Geophagus*), seekor ikan gulper catfish dan seekor ikan *flower horn* dengan anggaran keseluruhan bernilai RM8,300.

Pemilik berusia 40-an mengaku membela ikan pemangsa itu sejak 10 tahun lalu dengan alasan tidak mengetahui peraturan ditetapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan

negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, program kesedaran dan pemutihan itu yang dijalankan bermula 18 September lalu menyasarkan premis atau kedai akuarium ikan hiasan di seluruh negeri.

Menurutnya, sejak Januari 2024, 24 operasi pemantauan menerusi OP Darat dilakukan DOF Perak di premis akuarium di Ipoh, Teluk Intan dan Ayer Tawar.

“Hasil pemantauan dilakukan, 154 ikan larangan dirampas dengan nilai sitaan berjumlah RM13,000.

“Ikan yang disita ditempatkan di pusat menyelamat di bawah DOF Perak untuk dilupuskan. Dengan adanya aktiviti penguatkuasaan berterusan, diharapkan lebih ramai orang khususnya dari kalangan kumpulan sasar sedar mengenai ancaman ikan ini kepada ekosistem habitat akuatik negara,” katanya ketika Operasi Pemutihan dan Kesedaran Ikan Larangan di Premis/Kedai Akuarium Ikan Hiasan di Negeri Perak di Kampung Tawas di sini, semalam.



MOHD Zolkafly (kiri) dan Pengarah Perikanan Negeri Perak, Mohd Ghazali A Manap (kanan) ketika Operasi Pemutihan dan Kesedaran Ikan Larangan di Premis/Kedai Akuarium Ikan Hiasan sekitar Ipoh.

9/10/2024

SINAR HARIAN

NASIONAL

12

'Ada yang lepaskan alligator gar ke Sungai Klang'

SHAH ALAM - Terdapat individu yang sengaja melepaskan ikan asing spesies pemusnah, alligator gar ke perairan umum. Pengarah Jabatan Perikanan

Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, baru-baru ini tular di media sosial mengenai penangkapan ikan spesies invasif itu di Sungai Klang dengan berat 16.94 kilogram (kg).

Katanya, pada tahun 2020 juga pernah tular bangkai seekor ikan berkepala buaya itu ditemui di perairan Sabak Bernam.

"Orang ramai digesa melaporkan sebarang aktiviti pelepasan alligator gar ke perairan umum kepada pihak berkuasa."

"Jabatan Perikanan Selangor mengambil serius isu ini dan menyeru kepada semua untuk memastikan perairan umum di negeri ini dipenuhi spesies asli sahaja," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Noraisyah berkata, alligator gar bukanlah spesies ikan air tawar tempatan dan di-

percai telah diimport dan dilepaskan ke Sungai Klang oleh pembela haiwan eksotik yang tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, pada asalnya, ikan itu diperkenalkan di Malaysia sebagai haiwan belaan dalam akuarium, namun dilepaskan ke perairan tempatan apabila ia menjadi terlalu besar untuk dipelihara.

"Alligator gar atau nama saintifiknya *tractosteus spatula*, berasal dari Amerika Utara dan Amerika Tengah (Lembangan Sungai Mississippi dan Sungai Missouri)."

"Purata saiz ikan ini antara 2 hingga 2.5 meter dengan berat purata 90 hingga 110kg. Ikan

ini bersifat karnivor dan dietnya terdiri daripada apa sahaja ikan yang boleh di muatkan ke dalam mulut," ujarnya.

Tambahnya, tindakan melepaskan spesies ikan asing ke dalam habitat yang bukan asal mereka boleh membawa kesan negatif yang besar terhadap keseimbangan ekosistem.

"Alligator gar berpotensi bersaing dengan spesies tempatan dan boleh menyebabkan kepupusan ikan tempatan di perairan tersebut," jelasnya.

Tambah Noraisyah, pihaknya sentiasa bersedia memberi kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan badan bu- kerajaan bagi mengawal isu kehadiran ikan asing tersebut.



NORAISYAH



Ikan alligator gar yang ditangkap pemancing di Sungai Klang, baru-baru ini.



Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.

9/10/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Unjam tingkat tangkapan ikan di Port Dickson

PORT DICKSON: Bagi meningkat jumlah tangkapan ikan, sebanyak 106 unjam dilabuhkan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan di perairan Port Dickson pada tahun ini. Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, langkah tersebut terbukti apabila unjam yang dilabuhkan pada bulan Jun lalu menyaksikan peningkatan ketara jumlah ikan yang ditangkap.

"Pada Jun lalu, 48 unjam dilabuhkan dan peningkatan yang ketara terhadap jumlah hasil penangkapan ikan di kawasan unjam kali pertama itu direkodkan pada bulan berkenaan oleh pemancing rekreasi yang mana kita anggar setiap satu unjam boleh menarik sekitar 100 kilogram ikan pada satu-satu masa.

"Ketika itu, pemancing rekreasi dapat menaikkan ikan seperti ikan Sagai seberat tujuh kilogram, ikan Giant Travelly (GT) atau ikan Gerepoh bersaiz tiga hingga empat kilogram dan ikan Tenggiri bersaiz empat kilogram selepas

beberapa jam memancing di kawasan unjam dilabuhkan.

"Kesemua ikan tersebut sukar untuk didaratkan di kawasan berkenaan sebelum ini," katanya pada Program myUnjam 2024 Bersama Komuniti Nelayan Bagan Pinang di Pengkalan Nelayan Bagan Pinang, di sini semalam.

Menurut beliau, sejumlah RM49,800 peruntukan pembangunan digunakan menerusi Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan bagi Perolehan Perkakasan dan Peralatan Peranti Pengumpulan Ikan (Unjam).

"Sebanyak 58 unit unjam termasuk lima daripadanya sumbangan syarikat Hengyuan Refining Company Berhad (HRC) dilabuhkan selain sebanyak 5,000 benih ikan merah turut dilepaskan bagi meningkatkan sumber perikanan sedia ada," katanya.

Menurut Kasim, program melabuh unjam dilaksanakan sejak tahun 2020 dalam usaha memperkukuh aktiviti perikanan pantai.



SEBANYAK 58 unit unjam dilabuhkan pada Program myUnjam 2024 Bersama Komuniti Nelayan Bagan Pinang di Pengkalan Nelayan Bagan Pinang, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/10/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Pekebun rugi RM60,000 pokok ubi ditenggelami air

Kluang: Pekebun ubi di Kampung Sungai Linau di Simpang Renggam, di sini kerugian lebih RM60,000 selepas 25,000 pokok ubi ditanam di kawasan seluas 1.6 hektar rosak ditenggelami banjir.

Muhamad Nasir Jamiun, 61, berkata beliau tidak menyangka hujan lebat lebih dua jam pada awal pagi Ahad lalu menenggelamkan tanaman itu.

Katanya, ubi yang terendam air banjir melebihi dua hari akan busuk dan tidak boleh dijual.

“Sebatang pokok yang matang boleh menghasilkan lebih 10 kilogram (kg) gugusan ubi. Dalam tempoh 10 tahun ini saya mengusahakan tanaman ubi ini, hanya empat kali dapat hasil penuh.

“Selebihnya, ada yang rosak kerana banjir dan diserang haiwan liar atau pokok sakit.

“Cuma kali ini saya tak terfikir air boleh naik secepat ini kerana kebiasaannya mengambil masa tempoh tiga hari baru tenggelam. Ini tidak. Hujan lebat dalam tempoh dua jam sudah tenggelam semuanya,” katanya ketika ditemui.

“Dalam tempoh 10 tahun ini saya mengusahakan tanaman ubi, hanya empat kali dapat hasil penuh”

Muhamad Nasir Jamiun,
Pekebun



Tanaman ubi rosak ditenggelami air banjir di Kampung Sungai Linau di Simpang Renggam. (Foto Mohamad Fahd Rahmat/BH)

Deep-sea fishermen hope for fuel subsidies

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Fishermen's Association hopes that the government would consider granting diesel and petrol subsidies to Zone C2 (Deep Sea Fishing) fishermen who significantly contribute to the state's fish catch, said its chairman Mar'Yasim Mohamed.

He said currently the group is paying RM315 to RM320 per litre for diesel.

He expressed hope that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim would inquire good news during the Budget 2025 presentation on Oct 18.

"This group is the biggest contributor to the state's fish catch, accounting for about 50%, while the remaining catch comes from Zones A, B and C fishermen."

"If the government can provide subsidies to them so that they only have to pay RM250 per litre, it would be enough."

He said Zone C2 boat operators are not eligible for subsidised diesel because they are categorised as commercial fishing boats, forcing them to buy diesel at market prices.

Mar'Yasim assured the government that cooperation between the Fisheries Department and the Fisheries Development Authority of Malaysia, which is responsible for monitoring the fishermen's catch, would prevent the irregularities that occurred during previous subsidy provisions.

He said the monitoring was conducted by comparing the amount of catch brought back with the fuel quota allocated.

"Previously, they received a subsidy quota of 25,000 litres of diesel. However, when the catch was below one tonne or the fish quality was low, this subsidy was spoiled. But now, these C2 fishermen and fishermen who are truly working hard."

Mar'Yasim said a total of 6,060 fishermen registered with the association are hoping that the existing subsidy of RM165 per litre for fishermen in zone A, B and C would continue.

He also expressed hope that the government would maintain the subsistence allowance of RM300 per month to fishermen as financial support for their survival.

- Bernama



BOOSTING FISH POPULATION - Negeri Sembilan Fisheries Department director Kasrin Tawe with fishermen from MY Komuniti Perikanan Bagih Pinang transcribing coconut tree fronds to create artificial reefs in the Bagih Pinang waters in Port Dickson yesterday. - BERNAMA/PC

Grapes thriving in Gopeng

Farm finds way to ensure year-round harvest of premium variety from Japan



Visitors Nur Lailasari Zulkarnain and her mother Suhaina Nawir taking a closer look at Kyoho grapes on the vine at the farm in Gopeng, Perak. — Photos: Bernama

AN AGROTOURISM farm in Gopeng, Perak, has successfully cultivated Japanese premium Kyoho grapes that usually grow in four-season countries.

Agrotech Profarm Gopeng's marketing officer Wong Kok Wai said the farm management began researching and developing Kyoho grape cultivation methods in 2019.

Their aim was to grow the grapes on nearly 2ha of land. "With proper care and fertiliser, the first grape seedlings bore fruit with the sweetness matching the ones found in Japan.

"We have since expanded cultivation," he told Bernama in an interview at the farm that also produces fertiliser.

Wong explained that Kyoho grapes were suitable despite Malaysia's high temperature.

However, he revealed it must be grown under a covered area with appropriate fertiliser.

With care, the grapes can yield results within a year. The Kyoho variety has a black shade, tender texture and a sweetness similar to that



The Kyoho grapes are said to be as sweet as berries.

of berries.

The grapes are sold at RM70 per kg at the farm.

Visitors can pick the grapes and enjoy them fresh from the vine.

Wong shared that a grapevine could bear fruit for up to 100 years.

He also explained that with the farm's cultivation methods, they were capable of producing the fruit all-year round.

"On any given day, we can harvest between 10kg and 20kg which are sold directly to visitors," he said.

Wong said the farm was also the only place in the country

cultivating Taiwanese guava.

It also offers a variety of organic vegetables, including mustard greens.

Visitors can also enjoy a petting zoo, catch-and-release fish pond and a range of animals such as camels.

The farm also provides accommodation for those looking to extend their stay.

The entrance fee of RM3 per person allows guests to purchase fresh produce during their visit.

Spanning nearly 20ha, the farm is located in Kampung Pintu Padang, about 20 minutes or 8km from Gopeng town.

HIGH discipline and commitment are two key factors that must be upheld by participants of the People's Income Initiative (IPR)-Agricultural Entrepreneur Initiative (Intan) project to ensure that their farming efforts yield results.

Participant Mohd Sadi Abd Rahman said while he had no previous knowledge of agriculture, his self-discipline saw him through.

Mohd Sadi's eagerness to learn about chilli farming has also paid off, as he now enjoys the income he earns from the project.

The former events crew member said before joining IPR-Intan, he earned an average of RM2,000 a month, but his income was not stable.

However, he now takes home an average of RM5,000 a month.

"When I first joined the programme, I had no experience in agriculture.

"Thanks to guidance from a chilli farming expert, I learnt a lot."

The father of four shared that to become a successful farmer, he needs to be at the farm as early as 7.30am.

He takes a break at noon before returning to the farm at 2pm and staying there until late in the afternoon to manage the plot assigned to him.

Self-discipline yields success for first-time chilli farmers in Putrajaya



A chilli plant is planted by the community in Taman Mawar, Pasir Gudang. — Filepic

"Farming requires hard work and dedication, including adhering to the standard operating procedures," he said.

Mohd Sadi said everything, including equipment, pesticides, soil and seeds was provided by the government through the Kuala Langat Area Farmers'

Organisation (PPK).

For Saimah Abdullah, the only woman among the 20 IPR-Intan participants in Putrajaya, the initiative provides the B40 group with opportunities to gain and share new knowledge.

"It opens up avenues to increase one's income and gain

knowledge that can be shared with the community.

"If you are without a job, join this programme to increase your income and remember that the key is to be willing to work hard," said the retired civil servant.

Putrajaya IPR-Intan project

leader Luqman Nur Hakim Alias said 20 participants aged between 21 and 71 from the B40 group were selected to join the fertigation chilli farming project on a 4ha site in Precinct 9 in August last year.

He said 40,000 polybags were planted with the Sakata 461 chilli variety on the site.

During the harvest season, each polybag is expected to produce around 2kg to 3kg of chillies per season.

"Here, we are taught how to sow seeds, care for the plants, and harvest the produce.

"If it rains during the day, participants are required to come to the farm at night to fertilise or spray pesticides," he said.

Luqman Nur Hakim said each participant was assigned to manage one plot containing 2,000 chilli plants.

He added that the harvested chillies would be sent to the Kuala Langat PPK collection centre before being sold to restaurants, morning markets and companies that produce chilli sauce.

The Putrajaya IPR-Intan project is a collaboration between the Economy Ministry as well as Agriculture and Food Security Ministry through the Farmers' Organisation Authority and Kuala Langat PPK.